

Kerjasama rapat pupuk bakat baru bagi industri rel

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

KERJASAMA rapat yang terjalin antara SMRT dengan institut pengajian tinggi (IHL) di sini melahirkan hubungan yang saling memanfaatkan bagi kedua-dua pihak, kata Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan SMRT Corporation, Encik Ngien Hoon Ping.

Kerjasama rapat itu melibatkan lebih daripada pelajar IHL sahaja, malah pensyarah mereka juga.

Menjelaskan, Encik Ngien berkata, SMRT memastikan pensyarah di politeknik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) diberi pendedahan bekerja dengan SMRT.

"Terdapat beberapa manfaat apabila pensyarah mendapat pendedahan di SMRT.

"Pertama, mereka memahami dengan lebih baik apa yang pelajar mereka akan lakukan di sini.

"Kedua, mereka juga sedar akan realiti dan cabaran di sekitar dunia nyata, dan apabila mereka pulang (untuk mengajar), mereka dapat memperhalusi cara pengajaran, sesuai dengan apa yang mereka ketahui," kata Encik Ngien, sambil menambah:

"Interaksi ini sangat, sangat berguna dan memantut."

Malah, melalui kerjasama itu, di ITE dan politeknik, para pelajar diberi projek berdasarkan masalah dan cabaran nyata yang dihadapi SMRT, kata Pengerusi SMRT Corporation, Encik Seah Moon Ming.

"Apabila kami mempunyai masalah kehidupan sebe-

nar, kami berikan kepada pelajar, jadi mereka tidak menyelesaikan 'masalah dalam buku' tetapi masalah kehidupan sebenar," ujar beliau.

Bahkan, sudah ada projek pelajar yang berhasil diterima pakai dan dilaksanakan di depoh SMRT.

Lebih daripada ITE dan politeknik, SMRT juga bekerja rapat dengan Institut Teknologi Singapura (SIT) untuk melatih jurutera di sana.

"Kami tidak mahu jurutera yang hanya membuat projek-projek teori, jadi kami melibatkan mereka juga apabila kami berdepan dengan sesuatu masalah.

"Misalnya sekarang, kami ada projek seperti 'bagaimana untuk meningkatkan kebolehpercayaan komponen ini?', 'bagaimana kami dapat menggunakan analisis data untuk melakukan penyelenggaraan ramalan?'.
"Penuntut SIT yang perlu lakukan projek akhir tahun mereka boleh memilih untuk menyelesaikan masalah-masalah ini, hasil dapatan mereka dapat dimanfaatkan SMRT untuk memperbaiki keadaan, dan sebahagian daripada mereka boleh menyertai syarikat kami.

"Beberapa rakan SMRT kami juga pergi ke SIT untuk membuat Sarjana mereka, mereka menyelesaikan masalah yang mereka ada di tempat kerja dan pada masa yang sama mendapat ijazah mereka," kata Encik Ngien.

Beliau menambah bahawa jika kerjasama sedemikian tidak wujud, pelajar yang menyertai industri tersebut akan "ketinggalan lima hingga 10 tahun".

"Banyak industri mengatakan pelajar menyertai mereka dan belum bersedia atau mereka dilatih dalam bahagian lain.
"Di sini kami tidak percaya dengan pembaziran sedemikian – kami sudah tahu apa yang akan kami lakukan di sini, kami melatih mereka mengikut apa yang kami perlukan...kemudian kami mengambil mereka kerja," ulas beliau.

Antara yang memanfaatkan program kerja sambil belajar ialah Cik Nurdyana Fatmahan.

Beliau yang kini bertugas sebagai Jurutera Kanan, SMRT Laluan Thomson-East Coast (TEL) terpijak menyertai industri rel setelah menyertai program tersebut.

"Ia merupakan pengalaman pembelajaran yang hebat kerana ia memberi saya peluang memahami dengan lebih mendalam tuntutan teknikal dan kejuruteraan yang dihadapi oleh SMRT," katanya.



WAWANCARA EKSklusif: Penolong Kepada Editor Berita Harian, Encik Adli Yashir Kuchit (dua dari kanan) dan wartawan Berita Harian, Cik Nur Fathin Awalludin (paling kanan) menemuramah Pengerusi SMRT, Encik Seah Moon Ming (paling kiri), dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SMRT Encik Ngien Hoon Ping (dua dari kiri).



Wartawan BH belajar panduan MRT...

Saksikan di wadah media sosial Berita Harian